



TENPIN BOLING BERPASUKAN (LELAKI & WANITA)



PERATURAN DAN SYARAT PERTANDINGAN TENPIN BOLING BERPASUKAN

1.0. NAMA

Pertandingan ini dinamakan ***“KEJOHANAN TENPIN BOLING BERPASUKAN SUKAN MARA SEMALAYSIA 2026”***.

2.0. TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 31 Ogos 2026 - 3 September 2026
Tempat : Lite Superbowl JB3 Perlis, Kangar

3.0. PENGANJURAN

- 3.1. Jawatankuasa penganjur akan mengatur serta menganjurkan pertandingan ini. Sebarang keputusan yang dibuat terhadap segala perkara yang berhubungkait dengan kejohanan ini adalah muktamad.
- 3.2. Jawatankuasa berhak meminda atau membuat apa-apa penyesuaian untuk permainan ini menurut cara yang difikirkan sesuai.
- 3.3. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana pasukan atau peserta yang tidak mematuhi peraturan dan syarat tanpa sebarang sebab.

4.0. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 4.1. Undang-undang dan peraturan acara sukan ini akan merujuk kepada Peraturan dan Undang-Undang Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC) dan **Peraturan Am KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026**.
- 4.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada peraturan-peraturan yang dinyatakan di para 4.1. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

5.0. PENYERTAAN

5.1. Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar satu pasukan bagi setiap kategori sahaja seperti berikut:

5.1.1. Pasukan Lelaki - Empat (4) orang sahaja.

5.1.2. Pasukan Wanita - Empat (4) orang sahaja.

6.0. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

6.1. Taklimat kepada pengurus-pengurus pasukan akan diadakan pada **29 OGOS 2026 jam 8.30 malam di MRSM Arau, Perlis.**

6.2. Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai akhir pemain yang telah didaftarkan berserta dengan dokumen-dokumen yang disahkan dan mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontijen atau Pengurus Pasukan setiap negeri. Senarai nama pemain yang didaftar dan diserahkan semasa Taklimat pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0. ACARA PERTANDINGAN

7.1. Pertandingan akan dijalankan secara berpasukan:

7.1.1. Pemain Lelaki – empat (4) orang pemain.

7.1.2. Pemain Wanita – empat (4) orang pemain.

8.0. SISTEM PERTANDINGAN

8.1. Pertandingan dijalankan secara *“terbuka tanpa handicap”*.

8.2. Pertandingan akan dijalankan secara *“cross lane”*.

8.3. Pertandingan akan dijalankan sebanyak empat (4) game sahaja untuk seorang.

8.4. Balingan yang sudah memasuki longkang dan naik semula menjatuhkan pin dikira batal (Foul).

8.5. Peserta yang membuat balingan dan kaki melepasi garisan balingan akan dikira batal (Foul).

9.0. PENENTUAN ‘LANE’

9.1. Jawatankuasa Penganjur akan menentukan lane untuk setiap pasukan.

10.0. LARANGAN DI BOLING 'LANE'

- 10.1. Dilarang membuat balingan semasa pemain lawan berada di atas 'lane'.
- 10.2. Dilarang merokok.
- 10.3. Larangan-larangan yang sedia ada di pusat bowling berkenaan.

11.0. SISTEM PEMBERIAN MATA / MENENTUKAN KEMENANGAN

- 11.1. Kemenangan akan berdasarkan kepada pasukan mana yang menjatuhkan pin tertinggi.
- 11.2. Markah untuk Kontijen dikira berasaskan kepada acara berpasukan sahaja. Acara Individu tidak diambilkira sebagai markah.
- 11.3. Sekiranya selesai semua perlawanan, kiraan mata diperolehi sama oleh dua (2) atau lebih pasukan, maka penentuan pemenang berdasarkan kepada perkara berikut:
 - 11.3.1. Pasukan yang membuat **jatuhan pin tertinggi secara berpasukan pada setiap *game*** akan diambil kira sebagai pemenang.

12.0. JERSI / PAKAIAN PERLAWANAN

- 12.1. Semua pasukan dikehendaki berpakaian kemas dan seragam serta bernombor (jika ada).
- 12.2. Seluar jeans tidak dibenarkan.

13.0. TINDAKAN TATATERTIB

- 13.1. Hukuman berikut merupakan hukuman yang dikenakan secara automatik:
 - 13.1.1. Seseorang pemain yang disingkirkan atau dikeluarkan daripada gelanggang permainan atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, pemain tersebut akan digantung satu (1) perlawanan berikutnya.

14.0. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan ini dan segala tafsiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh Jawatankuasa Penganjur **KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026** dan segala keputusan adalah muktamad.



BORANG PENDAFTARAN PEMAIN TENPIN BOLING BERPASUKAN

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. GAJI	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN			

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
PASUKAN LELAKI		
1.		
2.		
3.		
4.		
PASUKAN WANITA		
1.		
2.		
3.		
4.		

Ketua Kontinjen

Pengurus Pasukan

.....
Nama :

.....
Nama :

.....
Tarikh



BORANG PENDAFTARAN PERLAWANAN
TENPIN BOLING BERPASUKAN

KONTIGEN : _____

KONTIGEN LAWAN : _____

	NAMA	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN		

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
PEMAIN LELAKI		
1.		
2.		
3.		
4.		
PEMAIN WANITA		
1.		
2.		
3.		
4.		

.....
Pengurus Pasukan

.....
Tarikh